

Headline	Hospital kedua		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	18	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	525 cm <sup>2</sup>
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 20,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,809



DR Mohd Sapawi Mohamed menunjukkan antara peralatan yang terdapat di Pusat Rawatan Dar Al Jeffri Madinah.

## ■ TH sedia pusat rawatan dan klinik elak risiko menunggu

**Malkkah**

Kewujudan pusat rawatan dan klinik Lembaga Tabung Haji (TH) yang dikendalikan pasukan perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat mengelak risiko pesakit menunggu terlalu lama berbanding jika pesakit mendapat rawatan di hospital Arab Saudi.

Ketua Pakar Rombongan Perubatan Tanah Suci Datuk Dr Rosemi Salleh berkata, ini kerana pada kemuncak musim haji ramai pesakit di Tanah Suci tertumpu di hospital tempatan.

Menurut Kementerian Kesihatan Arab Saudi setakat kelmarin, 281,439 jemaah menerima rawatan di hospital tempatan di Tanah Suci.

“Dengan adanya kemudahan hospital Malaysia yang disediakan TH, sebahagian besar jemaah kita dapat dirawat di sini,” katanya.

“Kita dapat mengurangkan risiko pesakit terpaksa menunggu untuk mendapat rawatan di hospital Arab Saudi, ini kelebihan yang ki-



“Sesetengah jemaah memaklumkan di sini lebih baik daripada pusat rawatan di Malaysia”

**Dr Rosemi Salleh**

ta ada,” katanya.

Dr Rosemi berkata, tahap perkhidmatan pusat rawatan TH akan dipertingkatkan saban tahun bagi memastikan jemaah menerima layanan perubatan terbaik.

“Sepanjang 22 tahun pengalaman saya berkhidmat

# ‘Hospital’ kedua

## Syif petugas pandu arah

**Malkkah:** Khairulnizam Zuhri, petugas Unit Pandu Arah, Lembaga Tabung Haji di Mina bertanggungjawab memastikan tiada jemaah Malaysia yang tersasar dari kawasan perkhemahan.

Ini berikutan reka bentuk dan warna khemah di Mina sama bagi setiap negara menyebabkan mereka kadang-kadang keliru ketika pulang dari melontar di jamrat.

Petugas dibahagikan kepada empat syif dan ditempatkan di beberapa laluan utama di kawasan perkhemahan.

pada musim haji kita memberikan yang terbaik kepada jemaah.

“Majoriti jemaah pertama kali datang dan saya perasan mereka tidak bersedia untuk berada dalam keadaan yang begitu ramai dan mereka susah untuk berhubung dan bersama masyarakat dunia.

“Mereka sukar menyesuaikan diri jadi di sini, kita boleh fokus kepada mereka.

Sesetengah jemaah memaklumkan di sini lebih baik daripada pusat rawatan di Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Timbalan

ubatan) Dr Saiful Azlan Sharif berkata, jemaah seharusnya bersyukur kerana KKM masih berkemampuan untuk membekalkan petugas perubatan berkhidmat di Tanah Suci.

Malah, katanya, rombongan perubatan di sini juga terdiri daripada pasukan yang berkaliber yang mempunyai setiap perjawatan.

“Mereka rombongan perubatan yang terlatih dari pelbagai bidang, jadi apabila jemaah haji sakit kita berkeupayaan memberi rawatan kepada mereka,” katanya.

Headline	Hospital kedua		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	18	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	525 cm <sup>2</sup>
Journalist	Safar Ahmad	AdValue	RM 20,603
Frequency	Daily	PR Value	RM 61,809



**KEMUDAHAN makmal untuk ujian pesakit turut disediakan.**



**KEMUDAHAN farmasi yang lengkap.**